

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 12 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1243-L13601
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
 - (a) berapakah bilangan peminjam PTPTN yang masih gagal membayar hutang, jumlah hutang (RM), bilangan yang telah diambil tindakan undang-undang dan bilangan pelajar yang telah dilupuskan dan jumlah pinjaman (RM) yang telah dilupuskan kerana mendapat keputusan kelas pertama; dan
 - (b) apakah rasionalnya Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPTN pada 31 Oktober 2011 telah mengambil keputusan untuk menghentikan pinjaman perbelanjaan pelajar mulai tahun 2013 dan apakah kesan yang akan dihadapi oleh pelajar miskin kelak.
2. PN-1243-L13123
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang isi rumah (*household debt*).
3. PN-1243-L13129
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tahap keselamatan Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia apabila demonstrasi ganas sering berlaku hingga menyebabkan kerosakan seperti yang berlaku pada 12 Oktober 2011 yang lalu.
4. PN-1243-L13739
Tuan Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian projek koridor ekonomi yang dilancarkan di setiap wilayah, termasuk wilayah utara. Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan untuk rakyat tempatan. Selain daripada peluang pekerjaan, apakah faedah lain yang dinikmati oleh rakyat tempatan.

5. PN-1243-L13403
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) sehingga Ogos tahun ini, kes-kes penipuan seperti kes pemalsuan polis, pegawai kastam, pegawai bank negara dan lain-lain melalui sms dan emel telah pun mencatat sebanyak 868 kes, jumlah wang yang terlibat adalah RM70 juta. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menghalang kes-kes sedemikian berulang; dan
 - (b) bagaimanakah pihak Kementerian dapat meningkatkan waspada dan pengetahuan di kalangan orang awam terhadap kes-kes penipuan seperti ini.
6. PN-1243-L13509
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah langganan internet di seluruh Malaysia pada masa kini dan mengapa harga bayaran internet adalah begitu mahal.
7. PN-1243-L13487
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pesakit yang perlu menunggu beberapa bulan untuk membuat imbasan CT dan MRI di hospital Kerajaan.
8. PN-1243-L13554
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana ibu tunggal di Malaysia yang dikenal pasti oleh agensi berkaitan dan apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada mereka.
9. PN-1243-L13717
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada akan mengurangkan jumlah pengutipan cukai pendapatan perseorangan sekiranya Cukai Perkhidmatan Barangan (GST) dilaksanakan.
10. PN-1243-L13665
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan terkini industri sarang burung walit di Malaysia.
11. PN-1243-L13821
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kepada guru-guru DGA 29 yang telah melanjutkan pelajaran melalui PJJ dan kini dalam DG41 dan ada yang DG44 yang berkhidmat di sekolah rendah tidak diberi peluang untuk menjawat jawatan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan (kecuali mereka yang telah menjawat jawatan tersebut sebelum melanjutkan pelajaran).

12. PN-1243-L13213
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tahap pelaksanaan projek-projek bekalan air, elektrik dan rumah di kawasan luar bandar mengikut negeri dari tahun 2009 hingga kini, dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan Kerajaan. Apakah sumbangan sektor korporat terutama GLC di dalam membantu Kerajaan melaksanakan projek-projek ini.
13. PN-1243-L13184
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) statistik pelajar lepasan kolej matrikulasi dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan mengikut kelulusan bagi tempoh 5 tahun yang lepas. Adakah standard kelulusan matrikulasi dan STPM sama dari segi kelayakan; dan
 - (b) statistik pelajar tempatan mengikut kaum dan pelajar asing mengikut negara asal. Apakah syarat kelayakan pelajar dari luar negara yang melanjutkan pengajian di universiti tempatan.
14. PN-1243-L13162
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kementerian dalam isu lanjutan usia persaraan bagi sektor swasta yang mencetuskan pelbagai polemik dari rakyat.
15. PN-1243-L13595
Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pra-sekolah yang telah dibuka/dibina di sekolah vernakular di bawah NKRA dan apakah pencapaian NKRA *'Improving Student Outcomes'* di kalangan murid-murid di sekolah Tamil setakat ini dan sama ada sasaran 87 peratus dapat dicapai pada tahun depan.
16. PN-1243-L13753
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kadar jenayah kanak-kanak bagi tahun 2010 dan 2011 mengikut negeri dan nyatakan bilangan kes kanak-kanak bermasalah mengikut kawalan atau penjagaan ibu bapa, ibu tunggal dan saudara terdekat bagi tahun yang sama serta nyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi dan menangani jenayah kanak-kanak dan kanak-kanak bermasalah ini.
17. PN-1243-L13797
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dibentuk pada tahun 2009 lalu, apakah perancangan strategik yang telah dirangka dan dilaksanakan serta apakah matlamat atau sasaran yang telah dicapai selama ini bagi meningkat dan membela nasib ekonomi masyarakat Bumiputera selama ini.

18. PN-1243-L13721
Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah keluasan kebun getah yang dimiliki oleh masyarakat keturunan Siam di negara ini. Memandangkan harga getah sekarang semakin menurun daripada RM8 sekilogram kepada RM3.80 sekilogram, apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil oleh Kementerian bagi membantu pekebun kecil menghadapi kejatuhan harga itu.
19. PN-1243-L13544
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil terhadap pekerja-pekerja asing tidak sah yang telah didaftarkan di bawah Program 6P tetapi masih belum dapat dijadikan pekerja asing yang sah.
20. PN-1243-L13061
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan kategori-kategori penarafan yang diberikan kepada Kementerian, Jabatan dan GLC milik Kerajaan. Apakah usaha-usaha yang dikeluarkan oleh Kementerian bagi menambah baik dan memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan kepada semua Kementerian, Jabatan dan anak-anak syarikat milik Kerajaan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara.
21. PN-1243-L13868
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah masalah utama yang dihadapi oleh pembantu rumah di negara kita dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi keselamatan mereka.
22. PN-1243-L13811
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faktor-faktor yang di tafsir dan diambil kira semasa eksport permit durian diberi kepada para peladang buah durian.
23. PN-1243-L13457
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang gagal mendaftarkan diri dalam program 6P dan hanya lebih kurang 25 ribu PATI sahaja yang kembali ke negara asal; dan
 - (b) apakah Kementerian sedar bahawa perbandingan peratus PATI yang diputihkan dan yang kembali, jelas mencerminkan keberanian PATI untuk terus menetap di sini tanpa sebarang kerisauan.

24. PN-1243-L13094
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pekerja wanita yang berhenti kerja mengikut profesion pada 5 tahun terakhir ini dan apakah langkah-langkah membantu wanita profesional yang berkemahiran dalam bidang tertentu kekal dalam sektor pekerjaan bagi mengelakkan berlakunya '*brain drain*' dalam negara sendiri.
25. PN-1243-L13147
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pengedaran buku 'Seks Islam, perangi Yahudi untuk kembalikan seks Islam kepada dunia' yang diterbitkan oleh Kelab Taat Suami dan adakah kandungan buku tersebut bertentangan dengan Islam.
26. PN-1243-L13277
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani isu pembuangan sisa klinikal dengan betul di hospital akibat pertambahan bilangan hospital awam dan swasta di Malaysia; dan
 - (b) nyatakan syarikat yang diberi kontrak bagi mengendalikan pembuangan dan pelupusan sisa klinikal mengikut negeri serta tempoh kontrak mereka.
27. PN-1243-L13599
Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik bagi program LINUS yang juga tertera dalam RMK-10. Setakat manakah peruntukan ini telah diagih dan diutilisasikan di sekolah Tamil dan Cina termasuk perbelanjaan bagi guru-guru daripada sekolah ini untuk dilatih dan sama ada pencapaian 90 peratus bagi murid-murid ini menguasai literasi dan numerasi telah dicapai.
28. PN-1243-L13699
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah alternatif yang telah dirangka bagi menampung permintaan nombor pendaftaran kenderaan baru yang kini dilihat hampir ke penghujung bagi penggunaan abjad susulan.
29. PN-1243-L13431
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap penganjur Program Seksualiti Merdeka 2011 yang turut terbabit cuba menjayakan agenda gerakan homoseksual di Malaysia semenjak 2008.
30. PN-1243-L13328
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang masalah pengeksporan sarang burung walit ke Negara China.

31. PN-1243-L13344
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menghadapi sebarang ancaman jenayah susulan pembebasan 125 individu berikutan pemansuhan Akta Kediaman Terhad (AKT 1933).
32. PN-1243-L13576
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status terkini pelaksanaan *E-Counter dan Paperless Government* bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan; dan
 - (b) apakah sasaran pencapaian bagi pelaksanaan *E-Counter dan Paperless Government* pada tahun 2015 yang telah ditetapkan oleh MAMPU dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan yang didapati lemah pelaksanaannya.
33. PN-1243-L13224
Puan Doris Brodie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah statistik terkini golongan wanita yang memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan (*decision maker*) di sektor korporat.
34. PN-1243-L13201
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana yang akan bertukar milik di dalam proses pertukaran saham di antara MAS dan AirAsia dan sama ada perolehan daripada penggabungan kedua-dua syarikat ini akan membawa kepada lebih atau kekurangan di dalam perolehan hasil cukai duti dan sebagainya kepada Kerajaan.
35. PN-1243-L13838
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapa usaha-usaha segera tidak diambil oleh Kementerian bagi menangkis persepsi negatif terhadap negara ini seperti insiden-insiden yang berlaku di Indonesia dan Kemboja baru-baru ini.
36. PN-1243-L13652
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kewangan Prince Court Medical Centre, Kuala Lumpur (anak syarikat milik penuh PETRONAS) sejak beroperasi mulai bulan Oktober 2007 hingga sekarang.
37. PN-1243-L13332
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan subjek Matematik dan Sains bercanggah dengan Akta Pendidikan 1996 yang selama ini disokong oleh Kerajaan.

38. PN-1243-L13071
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai bilangan mereka yang menggunakan perkhidmatan kad kredit sejak tahun 2008 hingga sekarang. Berapa ramai yang telah bankrap akibat hutang kad kredit dalam tempoh berkenaan. Apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan caj perkhidmatan kad kredit ke tahap yang paling minima.
39. PN-1243-L13046
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah terdapat kerjasama dengan mana-mana NGO atau universiti dalam mengendalikan program atau pakej *voluntourism* di kalangan pelancong muda tempatan dan asing dan lokasi yang telah dipilih setakat ini mengikut negeri.
40. PN-1243-L13292
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam memastikan tiada kaum yang ketinggalan dalam turut serta di semua program-program bantuan yang disediakan memandangkan tahap kesedaran dilihat masih kurang terutama di kalangan kaum India di seluruh negara sepertimana yang dilaporkan dalam akhbar The Star baru-baru ini.
41. PN-1243-L13430
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk membina loji nuklear (NPP) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai penggerak ekonomi (EPP) yang akan dimajukan di bawah Program Transformasi Kerajaan (ETP) khususnya bagi mengatasi permintaan tinggi terhadap tenaga elektrik dalam keadaan sumber lain seperti gas dan arang batu semakin berkurangan.
42. PN-1243-L13604
Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan terhadap polisi hospital untuk merawat pesakit yang berada di dalam situasi kecemasan dan kritikal tetapi tidak mempunyai sumber kewangan secukupnya untuk membuat pembayaran minimum untuk rawatan/pembedahannya. Adakah hospital kebiasaannya enggan meneruskan dengan rawatan/pembedahan sehingga bayaran minimum dibuat.
43. PN-1243-L13346
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan haiwan untuk ibadah korban dan akikah khususnya lembu dan kambing selamat dan bebas daripada penyakit termasuk tindakan penguatkuasaan jabatan veterinar bagi ternakan tanpa permit.

44. PN-1243-L13466
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah pengilang minyak masak dibungkus plastik seluruh negara mengikut negeri dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengawal mutu minyak dan memastikan minyak yang dibungkus bukan minyak masak kitar semula.
45. PN-1243-L13397
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan tegas yang perlu diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membanteras iklan-iklan haram yang bertaburan di merata-rata tempat bagi menjamin kebersihan, keindahan dan keharmonian negara ini.
46. PN-1243-L13529
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu ketirisan perbelanjaan dan penggunaan wang yang serius di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 hingga boleh memusnahkan kredibiliti Kerajaan sebagai pelindung kepada rakyat.
47. PN-1243-L13362
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan proses untuk pindaan butiran bagi kad pengenalan di mana, tempoh proses permohonan adalah di antara 1-4 bulan dianggap terlalu lama.
48. PN-1243-L13252
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan butir perjanjian bersama China untuk 300 loji biorefinery di Malaysia dan apakah faedah yang akan diperoleh dari pembangunan biorefinery kepada negara.
49. PN-1243-L13839
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan tindakan Kerajaan bagi menerangkan kepada rakyat berhubung manfaat dan implikasi GST dan bilangan Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem GST.
50. PN-1243-L13620
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah suntikan aset kepada 1Malaysia Development Berhad sejak 2009 hingga sekarang. Nyatakan pihak-pihak yang berkepentingan di sebalik projek perumahan di Sungai Besi dan Kuala Lumpur International Financial District di Maluri termasuk kos setiap projek.
51. PN-1243-L13234
Puan Doris Brodie minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah anak tempatan dari Sarawak yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari tahun 2006-2011 mengikut pecahan kaum dan pencapaian dari segi pangkat teratas.

52. PN-1243-L13081
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hala tuju sektor maritim di negara ini dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengembangkan sektor ini yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan negara.
53. PN-1243-L13587
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah warga India Muslim yang bekerja di sektor awam dan berikan pecahan mengikut kumpulan gred dan agensi.
54. PN-1243-L13465
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memperkasakan kelompok miskin dan berpendapatan rendah dalam usaha memperkukuhkan ekonomi golongan berkenaan.
55. PN-1243-L13386
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan kepada Kerajaan sekiranya cukai TELCO dihapuskan sekarang menanggung beban yang sangat banyak hasil dari kenaikan barang semasa dan Kerajaan memiliki mekanisme cukai yang lebih berkesan terhadap penyedia perkhidmatan dan pengguna.
56. PN-1243-L13118
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status perancangan dan tindakan Kerajaan untuk membantu rakyat membuka dan mengusahakan tanah-tanah adat (NCR) di Sabah seperti yang disebut dalam bajet yang terdahulu.
57. PN-1243-L13499
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk enam tahun yang lepas 2006-2011 berapakah permohonan daripada pasangan bukan warganegara Malaysia untuk permit masuk (*permanent residency*) dan kewarganegaraan (*citizenship*) dan berapakah yang telah diluluskan, masih dalam pertimbangan dan ditolak. Kemukakan statistik untuk setiap kategori dan sub-kategori mengikut gender dan kewarganegaraan asal mereka
58. PN-1243-L13880
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjawat awam yang diperlukan di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Nyatakan jumlah penjawat-penjawat kontrak, prospek mereka dikekalkan di dalam jawatan dan statistik pengangguran graduan.
59. PN-1243-L13633
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa perbezaan harga yang ketara antara 177 peratus hingga 2,805 peratus terhadap kadar harga yang ditetapkan dalam kontrak berbanding anggaran harga pasaran bagi perbelanjaan membeli peralatan Jabatan Taman Laut Malaysia boleh berlaku.

60. PN-1243-L13367
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuka Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Labuan bagi membimbing para pelajar tempatan yang tercicir dan tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
61. PN-1243-L13756
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes-kes pelanggaran peraturan (tidak mematuhi syarat-syarat) pembinaan bangunan yang telah dikenal pasti semenjak tragedi keruntuhan bangunan Highland Tower lebih sepuluh tahun yang lalu.
62. PN-1243-L13242
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab dan kos perbelanjaan untuk memindah dan mengambil alih kapal-kapal Marine Operations Force dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia oleh Agensi Penguatkuasa Maritim.
63. PN-1243-L13301
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa pengemis-pengemis dari luar negara di tempat-tempat pelancongan kini dilihat lebih ketara dan mencemarkan imej negara. Apakah tindakan Kementerian dalam memastikan perbuatan dan kehadiran mereka ini tidak mencemarkan nama baik budaya dan masyarakat tempatan.
64. PN-1243-L13755
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) bagi memberikan kebebasan pelajar IPT yang berumur 21 tahun ke atas menyertai ahli parti politik dan kegiatan politik.
65. PN-1243-L13267
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Standard Skim Organik Malaysia (SOM).
66. PN-1243-L13036
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk menilai hasil kajian keberkesanan kadar celik huruf setelah PLKN mengambil langkah memperkenalkan modul tambahan Program Literasi Membaca dan Menulis i-smart di kem latihan kepada 1000 pelatih yang dikesan buta huruf pada usia 18 tahun.
67. PN-1243-L13174
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bilakah tanah Ladang Bukit Jalil ditukar sebagai tanah perkuburan Islam kerana tanah ini sebenarnya adalah estet. Bekas pekerja ladang ini berjuang untuk menuntut 4 ekar tanah daripada 26 ekar yang tinggal untuk membina rumah dan kuil.

68. PN-1243-L13411
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kegunaan dan jumlah hasil yang diperoleh melalui urus niaga tender dan tempahan nombor pendaftaran kenderaan.
69. PN-1243-L13319
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terbaru tentang kilang pemprosesan nadir bumi Lynas di Gebeng, Kuantan. Adakah lesen operasi pemprosesan akan diberi.
70. PN-1243-L13787
Tuan Saiful Izhah bin Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah benar bahawa semua bahan bakar (seperti diesel, *fuel oil* dan LPG) yang dibeli oleh sektor perkilangan pembuatan (*manufacturing sector*) adalah didagangkan pada paras harga pasaran semasa (*market-based pricing*) melainkan bekalan gas asli yang dikenakan subsidi; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan subsidi kepada bahan-bahan bakar ini agar sektor perkilangan negara akan lebih kompetitif, berdaya saing di peringkat antarabangsa di samping dapat menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) sepertimana yang telah disumbangkan oleh sektor pembekalan gas asli.

ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**
(8 Disember, 2011)

[Kementerian Kewangan]
2. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
3. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap 2011 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
4. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]
5. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]
6. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]
7. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
8. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “

[Kementerian Pertahanan]

9. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “
[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]
10. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
11. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
12. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
13. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
14. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “
[Jabatan Perdana Menteri]
15. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
16. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
17. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “
[Perdana Menteri]
18. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “
[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
20. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
21. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
22. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
23. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
24. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
25. PN-1243-U13086
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :
- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
 - b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
 - c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.

- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
- i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
 - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
 - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
 - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
 - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
 - 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.

- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

[Perdana Menteri]

26. PN-1243-U13088

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

[Menteri Luar Negeri]

27. PN-1243-U13090

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

[Perdana Menteri]

28. PN-1243-U13197

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara komanwel yang lain."

[Perdana Menteri]

29. PN-1243-U13198

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini."

Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Perdana Menteri]

30. PN-1243-U13202

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

31. PN-1243-U13614

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

[Menteri Pengajian Tinggi]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.46	Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan (Pindaan) 2011	12 Disember 2011
ST.47	Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2011	12 Disember 2011
ST.48	Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi (Pindaan) 2011	12 Disember 2011
ST.49	Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2011	12 Disember 2011
ST.71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.74	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di Pertua - Yang Di Pertua Negeri Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011

<u>TAHUN</u> <u>2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Maktab Kerjasama Malaysia Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Pertubuhan Peladang MADA (YPPPM) Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011

<u>TAHUN</u> <u>2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.92	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011
ST.141	Laporan Tahunan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak dan Sabah Bagi Tahun 2010	12 Disember 2011